



## 13 • Perpustakaan





Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra (PTSFP) melalui tahun 2019 dengan pelbagai inisiatif bagi mencapai kelestarian Perpustakaan Abad ke-21. Untuk mencapai hasrat tersebut, Hala Tuju Strategik PTSFP 2018-2025 menjadi rujukan utama bagi mencapai matlamat UniMAP 2025 serta menyokong Pendidikan Abad ke-21 dan era Revolusi Industri 4.0 (lihat Rajah 1).




Rajah 13.1 : Hala Tuju Strategik PTSFP 2018-2025

## Pengurusan Kewangan

Pada tahun 2019, Perpustakaan menerima peruntukan tahunan sebanyak RM 2,500,000.00 dengan penambahan bajet pembangunan koleksi berjumlah RM 300,000.00. Ini merupakan peningkatan sebanyak 13% berbanding peruntukan pada tahun 2018 (lihat Rajah 2).

Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra (PTSFP) sentiasa meletakkan pembangunan koleksi sumber maklumat ilmiah sebagai salah satu elemen penting dalam memenuhi keperluan maklumat pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di Universiti. Sehubungan itu, sebanyak 88%-90% daripada peruntukan keseluruhan perpustakaan diperuntukkan untuk tujuan pembangunan koleksi sumber maklumat ilmiah (lihat Rajah 2).



Rajah 13.2 : Perbandingan Agihan Peruntukan Keseluruhan Jabatan dan Peruntukan Pembangunan Koleksi Sumber Maklumat Ilmiah bagi Tahun 2017-2019

Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra melaksanakan proses penilaian prestasi penggunaan sumber maklumat bagi memastikan keberkesanan kos pelaburan ke atas sumber. Ini memandangkan bahawa kos perolehan sumber elektronik meningkat sebanyak 8-10% secara tahunan selain peningkatan kadar tukaran mata wang asing. Piawaian ISO 11620:2014 (*Information and documentation - Library performance indicators*) digunakan bagi tujuan tersebut.

## Tajaan Langganan Pangkalan Data Maklumat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia

Majlis Ketua Pustakawan (MKP) dan Malaysia Online Electronic Resource Consortium (MOLEC) bertanggungjawab menyalurkan justifikasi kepada Pusat Sitasi Malaysia, Jabatan Pendidikan Tinggi untuk melanggan kepada pangkalan data relevan untuk komuniti pendidikan tinggi.

Pada tahun 2019, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menaja empat (4) pangkalan data maklumat kepada dua puluh (20) Perpustakaan Universiti (lihat Rajah 3). Tajaan langganan sumber maklumat untuk UniMAP oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mencapai RM 675,229.09.



Rajah 13.3 : Profil Tajaan Sumber Maklumat Elektronik 2019

PTSFP mencapai penjimatan bajet melalui tajaan langganan pangkalan data maklumat tersebut. Sehubungan itu, peruntukan sedia ada dimanfaatkan secara optima oleh PTSFP untuk memperbaharui langganan kepada sumber maklumat berimpak yang diperlukan oleh warga UniMAP.

### Pemerkasaan Sumber Maklumat

PTSFP sentiasa berlitzam ke arah menyediakan akses kepada perpustakaan bertaraf dunia. Bagi mencapai hasrat tersebut, PTSFP sentiasa berusaha untuk meneruskan usaha dan inisiatif ke arah memperkaya koleksi perpustakaan untuk menyumbang kepada perkembangan ilmu dan maklumat global.

Sepanjang tahun 2019, Perpustakaan meneruskan usaha memperkaya koleksi digital melalui proses perolehan bahan digital, penggunaan enjin carian / penemuan, pemerkasaan kandungan repositori institusi dan proses kurasi maklumat digital untuk manfaat warga UniMAP. Sehingga Disember 2019, koleksi digital Perpustakaan UniMAP bakal mencapai 2.8 juta dokumen.

Walau bagaimanapun inisiatif pembangunan koleksi monograf bercetak masih diteruskan bagi menyediakan akses kepada koleksi buku teks dan rujukan kursus. Analisis data menunjukkan bilangan bahan koleksi teks / rujukan kursus kini mencapai 86.4% dengan peningkatan 2.9% berbanding tahun kebelakangan.

Dalam peralihan kepada Perpustakaan Abad ke-21, PTSFP perlu menyediakan akses kepada sumber yang lebih besar, relevan dan fleksibel kepada pengguna. Oleh itu, PTSFP menyediakan kepada sumber maklumat melalui sistem pembekalan dokumen yang bersifat global dan efektif; *WorldShare Inter-Library Loan*. Sistem ini dimanfaatkan oleh PTSFP bagi memenuhi

keperluan pengguna UniMAP dengan memperolehi bahan-bahan yang tiada di dalam koleksi PTSFP. Rangkaian kerjasama di antara PTSFP dan perpustakaan global membolehkan bahan-bahan berkenaan diperolehi atau dipinjam daripada lebih 79,000 institusi lain di luar negara.

### Akses Kepada Sumber Maklumat



Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra (PTSFP) lebih cenderung kepada pembangunan koleksi digital berbanding konvensional. Ianya selari dengan kepesatan teknologi maklumat ke arah Revolusi Industri 4.0, trend kelompok pelajar Generasi Z dan kelebihan keupayaan mengakses kepada sumber maklumat elektronik berbanding konvensional.

Justeru itu, penawaran sumber maklumat elektronik dilihat sebagai strategi penyelesaian berkesan kepada warga Universiti.

Sekitar 98% daripada koleksi sumber maklumat ilmiah PTSFP adalah di dalam format digital. PTSFP menawarkan perkhidmatan enjin carian sehenti *Worldcat Discovery Service* bagi memudahkan proses carian dan penemuan maklumat relevan. Enjin carian ini turut menghubungkan pengguna kepada koleksi PTSFP, koleksi akses terbuka (open access) malahan merayap kepada sumber maklumat yang terdapat di 79,000 perpustakaan global. Sehingga Disember 2019, sejumlah 744,845 halaman dirujuk melalui enjin carian sehenti ini.

Sehingga November 2019, sebanyak 1,643,652 capaian kepada sumber maklumat direkodkan. Statistik ini meliputi capaian kepada jurnal elektronik, buku elektronik, kandungan ilmiah melalui Repositori Digital PTSFP, Course Reference Collection Online, aplikasi LibApps, enjin carian *WorldCat Discovery Service* dan *Scopus*.

Bagi memastikan sumber maklumat yang dilanggani dimanfaatkan secara optima oleh warga UniMAP, PTSFP telah menggunakan dua (2) alatan pengukuran antarabangsa iaitu ISO 11620:2014 (*Information and documentation*

- Library performance indicators) dan ISO 2789:2013 (*Information and Documentation: International Library Statistics*) bagi memantau prestasi penggunaan sumber maklumat. Analisa Purata ROI bagi tempoh tiga (3) tahun 2017 - 2019, menunjukkan kos bagi setiap dokumen yang dimuat turun oleh warga UniMAP bernilai di antara RM 0.92 sehingga RM 2.90 sen. Ini menunjukkan semua sumber elektronik yang dilanggar telah digunakan secara optimum oleh warga UniMAP.

### Akses Kepada Kemudahan

PTSFP telah diiktiraf sebagai fasiliti pembelajaran bertaraf lima (5) bintang melalui sistem pemeringkatan QS Stars. Pelbagai kemudahan telah ditawarkan kepada warga UniMAP. Kemudahan popular seperti Bilik Karel, Bilik Diskusi, Bilik Pembelajaran Interaktif, Postgraduate Lounge, Ind-E-Zone (*Industrial Engagement Zone*), Noise Zone dan Hub Pembelajaran telah dimanfaatkan secara optima oleh pengguna. Sepanjang tahun 2019, sejumlah 6,910 tempahan kemudahan dengan anggaran pengguna seramai 22,512 telah direkodkan oleh sistem tempahan atas talian.

PTSFP sentiasa komited untuk menyediakan fasiliti moden dengan teknologi terkini pada masa depan. Ia berdasarkan matlamat menyediakan pengalaman pembelajaran yang bermakna kepada para pelajar khususnya dan warga UniMAP umumnya.

### PTSPF sebagai Hub Komuniti



Program Nuri @ the Library

PTSFP melaksanakan pelbagai inisiatif menjadikan perpustakaan ini sebagai hub komuniti - lokasi fizikal yang menjadi fokus pelaksanaan pelbagai aktiviti dan penawaran perkhidmatan serta fasiliti yang boleh diakses oleh komuniti setempat.

Kemudahan yang ada di PTSFP telah dimanfaatkan oleh komuniti UniMAP dan komuniti setempat untuk penganjuran 97 program yang merupakan peningkatan bilangan sebanyak 62%. Ini meliputi

53 program yang mengandungi ciri-ciri libat sama komuniti di PTSFP. Inisiatif meningkatkan peranan PTSFP sebagai hub komuniti disangga dengan peningkatan penawaran kemudahan daripada 2 fasiliti pada tahun 2018 kepada 9 fasiliti pada tahun 2019.



Lawatan Kerja TYT Duta Besar Republik Argentina

PTSFP terus dikunjungi oleh pelbagai pelawat dari dalam dan luar negara pada tahun 2019 dengan peningkatan bilangan kunjungan mencapai 41% berbanding pada tahun 2018.



Lawatan Kerja TYT Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia